

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program atau latihan khusus yang disediakan oleh Kementerian kepada golongan belia bagi meningkatkan kemahiran atau menjana pendapatan melalui teknologi digital.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Labuan berkenaan program atau latihan khusus kepada golongan belia bagi meningkatkan kemahiran atau menjana pendapatan melalui teknologi digital.

KBS sentiasa komited untuk meneruskan agenda pemerkasaan belia melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) melalui 22 buah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di seluruh negara. Institusi-institusi ini menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa dari tahap 1 hingga tahap 5 dalam Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta persijilan profesional yang melibatkan **14 bidang teknologi** merentasi 8 Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), 13 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), dan 1 Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG).

KBS turut berusaha meningkatkan kualiti kurikulum latihan dengan pengenalan modul-modul baharu untuk melengkapkan ilmu dan kemahiran pelajar bagi mendepani cabaran Industri 4.0 negara. Antaranya adalah **penambahbaikan 13 Written Instructional Material (WIM) berdasarkan perubahan National Occupational Skill Standard (NOSS) baharu, penambahbaikan modul subjek ICT dan lain-lain.** Tambahan lagi, KBS sedang memperkasa penggunaan teknologi maklumat dan digital dengan **menyediakan persekitaran Pendigitalan@ILKBS.**

Dalam memperkasakan golongan belia dengan bidang kemahiran, Kementerian mengambil inisiatif untuk melahirkan modal insan belia yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan dan berinovasi serta relevan dengan keperluan semasa. Ini dilaksanakan melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di **ILKBS yang telah mewujudkan 196 kursus berfokuskan kemahiran dan latihan.**

Skop latihan kemahiran TVET adalah berlandaskan kepada standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan kemahiran di industri. Pembangunan kemahiran belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan terutamanya melalui ILKBS telah menawarkan kursus **teknologi digital** secara tidak langsung seperti bidang teknologi maklumat, teknologi fotografi, dan teknologi elektronik.

Selari dengan hasrat kerajaan membantu belia meningkatkan kemahiran atau menjana pendapatan belia di dalam negara ini, Kementerian Belia dan Sukan turut melaksanakan pelbagai program bagi menyediakan latihan kemahiran dan peluang pekerjaan belia untuk menampung kehidupan seharian mereka. Antaranya seperti:

- i. **Program Bootcamp**
- ii. **Program Skill for Youth (S4Y)**
- iii. **Inkubator, Makerspace Mybizhub@ILKBS dan Keusahawanan Digital**

- iv. **Program MyFuture Agro@ILKBS**
- v. **Karnival Kerjaya *My Digital Workforce Week*** anjuran MDEC dengan kerjasama Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD)
- vi. Kursus *Career Starter for Youth (CS4Y)*
- vii. Inisiatif Picksum (Bengkel Bisnes Orang Muda, *Picksum Talks* dan Inkubator Picksum Labs)

Industri digital turut berkait rapat dengan esports. Di bawah inisiatif Esports Integrated (ESI), program pembangunan kapasiti telah diperkenalkan untuk membantu golongan belia meningkatkan kemahiran atau menjana pendapatan di dalam industri esports. Selain itu, ESI juga telah menyediakan platform perkongsian daripada pemegang taruh industri, personaliti esukan dan pemain profesional untuk memberikan pendedahan kepada golongan belia mengenai peluang yang ada untuk menjana pendapatan melalui esports.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pekerja, jumlah perbelanjaan termasuk kontrak yang terlibat serta pencapaian J-KOM setakat ini.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kos perbelanjaan yang telah digunakan oleh J-KOM boleh dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu perbelanjaan pegawai dan kakitangan, perbelanjaan pengoperasian pejabat dan perbelanjaan program.
2. Jumlah pegawai J-KOM adalah seramai 55 orang pegawai tetap dan 35 orang personel MySTEP J-KOM. Sehingga 25 November 2021, perbelanjaan emolumen adalah sebanyak RM3,504,117.53. Tiada urusan perbelanjaan yang melibatkan kontrak.
3. Sehingga kini, J-KOM telah melaksanakan lapan (8) program yang melibatkan golongan OKU dan satu (1) program menyantuni petugas barisan hadapan serta pesakit Covid-19.
4. Selain itu, J-KOM telah melaksanakan hebahan LED bergerak sempena program *Outreach* Komuniti Negeri Melaka pada 7-20 November 2021 merangkumi promosi Keluarga Malaysia, Belanjawan 2022 PTPTN, Belanjawan 2022 Bantuan Awal Persekolahan, RMK-12 dan *Standard Operating Procedure* (SOP) proses mengundi serta Klinik. J-KOM turut melaksanakan inisiatif Klinik Bergerak bagi menyokong usaha Kerajaan dalam Program Keluarga Malaysia Sihat.
5. J-KOM juga telah menyediakan sebanyak 814 kandungan kreatif seperti poster, video, foto dan lain-lain. Kandungan tersebut telah dibuat hantaran (*posting*) dan ciapan (*tweet*) pada media sosial Jabatan seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *WhatsApp*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan adakah Kerajaan akan menukar takrifan kategori M40 dan B40 kerana terdapat penyusutan pendapatan yang ketara khususnya kepada golongan M40.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan akan mengemas kini Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan klasifikasi pendapatan pada tahun 2022 serentak dengan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) yang akan dilaksanakan pada tahun tersebut. Dapatkan kajian tersebut yang lebih komprehensif akan digunakan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang bersasar dan relevan dengan keadaan sosioekonomi semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, HIES & BA dijalankan dua kali dalam tempoh setiap lima tahun, yang mana terkini adalah pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.